

Isu kurang staf kesihatan diisi segera

- **KKM turut perkukuh operasi tiga hospital utama di Johor**
- **Pasukan khas ditubuh tangani untuk selaras pelan tindakan**

Oleh **MOHD. SHARKAWI LONDING**

JOHOR BAHRU – Kementerian Kesihatan (KKM) bersetuju untuk mengambil tindakan segera untuk mengisi kekosongan perjawatan, memperbaiki fasiliti serta menaik taraf kemudahan di tiga buah hospital utama di negeri Johor bagi memperkukuh infrastruktur hospital dan kebajikan petugas.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, tiga agenda utama itu yang diper-setujui susulan pertemuan dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad di Putrajaya kelmarin.

"Pertemuan berkenaan memberi fokus kepada usaha memperkukuh pengoperasian tiga hospital utama, iaitu Hospital Sul-tan Aminah (HSA), Hospital Sul-



Johor perlukan 4,600 petugas kesihatan

- **Tingkatkan bekalan tenaga staf di tiga hospital utama**
- **Kategori kritikal doktor pakar, pegawai perubatan, jururawat**

KERATAN KOSMO! 16 Julai 2024.

tan Ismail (HSD) dan Hospital Kulai. "Hasil perbincangan turut mencapai persetujuan supaya Hospital Pasir Gudang (HPG) dan Klinik Kesihatan (KK) Cendana perlu diperkukuh dan ditambah tenaga kerja serta peralatan sebelum dijangka mula beroperasi pada awal tahun hadapan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Onn Hafiz berkata, pasukan petugas khas akan ditubuhkan sebagai mekanisme penyela-rasan dan pemantauan pelak-sanaan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang



ONN HAFIZ (dua dari kiri) mengadakan pertemuan Dr. Dzulkefly di Putrajaya kelmarin.

bagi memastikan segala peran-cangan berjalan lancar.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan serta kesejahteraan Bangsa Johor, khususnya dalam aspek kesihatan awam.

Onn Hafiz berkata, kerajaan

negeri dan KKM sentiasa komi-ted memperjuangkan hak rakyat untuk mendapatkan rawatan yang adil, cekap dan berkualiti serta menjaga kebajikan barisan hadapan yang menjadi tunjang sistem kesihatan.

Terdahulu, Kosmo! melapor-kan Johor memerlukan 4,600 penjawat awam bagi mengatasi

masalah kekurangan staf kesihatan di hospital-hospital utama di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesi-hatan dan Alam Sekitar, antara kategori kritikal termasuk dok-tor pakar, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat serta anggota sokon-gan lain.

Hospital di Kedah turut hadapi kekurangan petugas



HOSPITAL Sultanah Bahiyah merupakan hospital utama di Kedah.

ALOR SETAR – Kedah turut berdepan kekurangan petugas kesihatan di hospital-hospital besar kerajaan, namun situasi itu masih terkawal dan tidak menjejaskan pengoperasian serta kualiti perkhidmatan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Mansor Zakaria berkata, kekurangan tersebut bukan berpunca daripada jawatan yang tidak diisi, sebaliknya disebabkan peningkatan jumlah pesakit dan pertambahan katil yang tidak seiring dengan jumlah petugas sedia ada.

“Sebenarnya semua negeri mengalami isu yang sama, termasuk Kedah. Cuma di sini, keadaannya masih terkawal dan

tidak kritikal.

“Struktur jawatan asal disusun mengikut keperluan masa lalu. Kini, dengan pertambahan katil di hospital terutamanya hospital besar, ia memberi kesan kepada agihan tenaga kerja walaupun semua perjawatan telah diisi,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan (KKM) menyedari perkara tersebut dan sedang berusaha menambah jumlah petugas kesihatan, namun pengambilan agak terhad kerana melibatkan proses latihan serta kekangan kemasukan.

“Kita sudah bincang isu ini dalam mesyuarat bersama KKM bulan lalu dan pihak kementeri-

an dalam usaha menangani kekurangan ini secara berperingkat,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Mansor berkata, walaupun Kedah turut berdepan isu sama seperti negeri lain, operasi hospital di negeri ini masih berjalan seperti biasa dan tidak menjejaskan mutu rawatan secara keseluruhan.

“Tiada hospital yang sampai tiada jururawat atau doktor. Namun, apabila jumlah kes meningkat, beban tugas juga bertambah dan ini boleh menyebabkan kelewatan dalam giliran tugas.

“Sebagai contoh, Hospital Kulim kini berdepan peningkatan ketara jumlah pesakit di daerah itu,” katanya.

M'sia courts global healthcare investors

KUALA LUMPUR: Malaysia is well positioned to tap into the high growth of the global healthcare sector due to Putrajaya's strong industrial reform agenda, robust industrial ecosystem, progressive policies and investor-friendly environment, said Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

The Investment, Trade and Industry Minister (Miti) said that from pharmaceuticals and medical devices to healthcare services and medical tourism, the healthcare sector is a catalyst for high-value job creation, innovation and exports.

According to Tengku Zafrul, the medical devices market is projected to grow by 63% from RM2.53 trillion in 2024 to RM4.13 trillion by 2032.

"The global healthcare sector has proven to be not only resilient but also transformative, offering immense opportunities in medical devices, pharmaceuticals, biotechnology and digital health solutions," he said in his opening remarks at the three-day International Healthcare Week 2025 (IHW 2025), which began here yesterday.

"Thanks to our strong industrial reform agenda, robust industrial ecosystem, progressive policies, investor-friendly environment and a skilled, industry-ready workforce, Malaysia's healthcare industry is well-positioned to capture this growth."

Tengku Zafrul also said that last year alone, the medical devices and pharmaceutical industries garnered RM2.13bil in combined investments, creating over 2,700 high-value jobs across manufacturing, research and development, and regulatory services.

"Today, eight of the world's top 30 medical device companies have established operations in Malaysia," he said, adding that Malaysia is home to over 300 healthcare companies.

Tengku Zafrul said that from January to May this year, pharmaceutical exports have increased by 7.8%.

"This is also due to our industrial reform initiatives. Reform builds industrial resilience, which in turn feeds our exports' resilience," he noted.

On the IHW, Tengku Zafrul said it is not just a healthcare event but also a platform to bring together global thought leaders, innovators, policymakers and investors to shape the future of South-East Asia's healthcare sector.

"I feel that the IHW 2025 represents more than an exhibition – it is a call to action to strengthen collaboration, accelerate innovation and ensure that our healthcare systems remain inclusive, sustainable and future-ready."

"I'm proud that Malaysia is playing host to this global gathering and I am confident that over the course of the next few days, this platform will generate mean-



Setting off: Tengku Zafrul (centre) with Reezal Merican (third from left) and industry leaders officiating IHW 2025 at the Malaysia International Trade and Exhibition Centre in Kuala Lumpur. — AZMAN GHANI/The Star

ingful dialogue, strategic partnerships and tangible business outcomes that benefit all participants," added Tengku Zafrul.

Malaysia External Trade Development Corp (Matrade) chairman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican said Malaysia needs to capitalise on its ever-growing healthcare industry to counteract uncertainties in global trade.

He said this was due to incredible growth in the nation's medical device sector, which spiked by 27.7% to RM46.5bil in trade value last year, with exports increasing by 31.6%.

"Malaysia will need to develop a national strategic roadmap for the healthcare industry going forward," Reezal Merican said.

"We have evolved from producing basic medical supplies to manufacturing sophisticated healthcare technologies, and are now being recognised as one of the top destinations for healthcare travellers."

"This roadmap will be our blueprint for us to solidify Malaysia's position as a global leader in healthcare."

"This is key because as more challenges in the global trade and economy appear, we need to be

able to navigate with agile approaches to international trade dynamics, and evolving global relationships," he said during his speech at the event.

Held in Kuala Lumpur for the second time, the IHW 2025 is showcasing over 900 exhibitors from key healthcare industries from medical devices to pharmaceuticals, and is expected to draw over 21,000 visitors from now to tomorrow.

Among the notable conferences that will take place at the event are the Conference of Pharmaceutical Ingredients South East Asia and World Health Expo KL.

Penjualan vape bakal diharamkan di Sarawak

KUCHING — Pengharaman penjualan vape berkemungkinan dilaksanakan di Sarawak kerana penggunaan rokok elektronik itu kini banyak disalahgunakan untuk penyalahgunaan dadah.

Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, keputusan itu dicapai setelah solidariti program pendidikan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang menyatakan sokongan penuh untuk pengharaman penjualan vape di Sarawak.

"Perkara ini juga menjadi isu nasional pada masa ini. Ia sedang dalam perbincangan di negeri-negeri lain kerana masalah vape bersangkut-paut dengan masalah penyalahgunaan dadah.

"Kalau dahulu vape dilihat sebagai hanya untuk hisap rokok sahaja tapi sekarang vape banyak disalahgunakan untuk dadah dan sebagainya.

"Sebab itu kerajaan perlu melihat perkara ini, tapi di peringkat negeri kita telah bersetuju secara menyeluruh untuk vape diharamkan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di pejabatnya di sini semalam.

Karim yang juga Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) Sarawak menambah, mesyuarat se-

“

Kalau dahulu vape dilihat sebagai hanya untuk hisap rokok sahaja tapi sekarang vape banyak disalahgunakan untuk dadah dan sebagainya.”

bulat suara bersolidariti untuk menolak penggunaan vape di Sarawak setelah mengambil kira ada antara negeri-negeri di Malaysia telah mengeluarkan fatwa.

Bagaimanapun, katanya mengeluarkan fatwa tidak akan dapat mengharamkan vape kerana itu hanya dari sudut pandangan agama.

"Kalau nak haramkan sepenuhnya vape, perlu ada rang undang-undang ataupun Parlimen mengatakan bahawa penggunaan vape itu patut dianggap sebagai satu kesalahan undang-undang," katanya.

Dalam pada itu, Karim berkata penggunaan vape juga membimbangkan dalam kalangan pelajar, yang boleh menjerumuskan mereka kepada penyalahgunaan dadah.

"Statistik pada masa ini, 20,000 pelajar sekolah terlibat dalam penggunaan vape dan ini bukan sesuatu yang baik," katanya.



KARIM (kanan) bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bersama AADK di Kuching semalam.



Breathless nation: Time to clear the air

THE air Malaysians breathe is becoming harder to inhale and, unfortunately, that is not a metaphor. Behind every wheeze, every nebuliser at a clinic and every hospital bed occupied by a child with respiratory infection is a much larger web of environmental neglect, insufficient policy enforcement and systemic gaps in how we protect the most basic of human needs: clean air.

Respiratory illnesses are steadily increasing in Malaysia. Haze has now become something we expect – almost like a monsoon season – but unlike rain, this “season” brings not relief but risk. Despite repeated episodes of unhealthy air quality, political will to address the causes – particularly transboundary haze pollution – remains frustratingly weak.

This problem did not appear overnight. For decades, the dominant model of economic growth in Malaysia and globally has prioritised profit over sustainability. Entire communities have been exposed to polluted air while the fossil fuel industry continues to shape policies, delaying serious environmental action. The balance has long tilted towards short-term gains over long-term public welfare.

And while air pollution is often treated as just an environmental issue, we need to recognise it for what it is – a public health emergency.

The reality is harsh – lower-income families bear the brunt of poor air quality. Many live close to industrial areas, highways or plantations where the air is often filled with particulate matter. While some Malaysians can afford air purifiers or private healthcare, countless others quietly bear the cost physically, emotionally and financially.

Globally, air pollution is costing economies billions of dollars in healthcare, lost productivity and premature deaths. Malaysia is not exempt from that reality.

What is more, we cannot afford to treat haze, traffic emissions or environmental degradation as separate issues. They are threads in the same tangled knot, a system that prioritises extractive profits over people and planet.

There is another layer we often forget



“Entire communities have been exposed to polluted air while the fossil fuel industry continues to shape policies, delaying serious environmental action. The balance has long tilted towards short-term gains over long-term public welfare.”



Globally, air pollution is costing economies billions of dollars in healthcare, lost productivity and premature deaths. Malaysia is not exempt from that reality.
— REUTERS/SPIC

– the role of our oceans. More than half of the oxygen we breathe comes not from trees or forests but from phytoplankton in the oceans. Yet, warming seas, plastic pollution and coastal development have been slowly erasing these crucial life forms. We have been focusing so much on the trees we can see that we have ignored the forests beneath the waves.

And now, Malaysia stands at a crucial moment. This year, we serve as Chair of Asean, giving us the rare platform to shape environmental leadership in this region. As a maritime nation with thousands of kilometres of coastline, we are not just stakeholders but are also stewards of regional ecosystems.

Just last week, the UN Ocean Conference in Nice ended with a powerful call by UN Secretary-General Antonio Guterres reminding the world: “We are not treating the ocean as what it is – the ultimate global commons.”

Malaysia has an opportunity to turn leadership into action by championing policies that safeguard both the seas and the skies. Stronger environmental enforcement, particularly on regional haze commitments, is overdue.

On the home front, Malaysia is working on the National Clean Air Action Plan 2025-2040, a key framework meant to guide national efforts on improving ambient air quality.

It is encouraging to see such comprehensive work but we must ensure that this plan does not stay on paper alone; it must lead to transparent enforcement, meaningful penalties for violations and full public access to air quality and pollution-related health data.

With Malaysia also committing to net zero greenhouse gas emissions by 2050, the gap between announcements and actual on-the-ground change must close.

Enforcement, however, must be impartial and consistent. Regional agreements such as the Asean Transboundary Haze Pollution Agreement need to stop being treated as polite diplomatic gestures. They must become firm tools of environmental governance, with clear consequences for non-compliance.

Equally critical is the need for cross-sector collaboration. Our health agencies, environmental scientists and

urban planners must work hand-in-hand and not in silos. The air pollution issue is not separate from urban planning, industrial policies or healthcare costs. It is one web and it must be untangled with coordinated national efforts.

This is also a children’s issue. Poor air quality can delay lung development in children, increase asthma rates and create long-term vulnerabilities. It is no fair that a child’s postcode should determine the health of their lungs.

Clean air is a right and protecting that right is the government’s responsibility.

The true measure of leadership is not how well we speak at conferences but how effectively we protect the most vulnerable among us. That begins with something as fundamental and essential as the very air we breathe.

Mogesh Sababath is a youth climate advocate, National Consultative Panel member to the Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry, and PhD candidate at Universiti Putra Malaysia.
Comments: letters@thesundaily.com

Susu ibu beri kesan pada emosi anak

Oleh NAJWA ABD. GHAFAR
gayautusan@mediamula.com.my

PENYUSUAN susu ibu merupakan satu anugerah semula jadi yang mengandungi hikmah besar daripada aspek biologi, kesihatan, sosial dan keagamaan.

Lebih menarik, emosi si ibu juga mempengaruhi komposisi kandungan dan kesan susu ibu.

Ibu yang mengalami tekanan menghasilkan susu yang mengandungi hormon kortisol dalam kadar tinggi, yang terbukti boleh menjejaskan perkembangan emosi anak.

Sebaliknya, emosi ibu yang stabil dan positif menghasilkan susu yang menyumbang kepada pembinaan personaliti anak yang yakin, berani dan bijak bersosial.

Manfaat penyusuan eksklusif iaitu hanya susu ibu tanpa tambahan makanan atau minuman lain selama enam bulan pertama dibuktikan melalui pelbagai kajian.

Bayi yang disusui secara eksklusif didapati kurang berisiko terhadap jangkitan telinga, cirit-birit, masalah pernafasan, obesiti dan diabetes jenis 1 dan 2. Penyusuan juga menurunkan risiko Sindrom Kematian Bayi Mendadak (SIDS).

Kebaikan penyusuan susu ibu memberi kesan hingga dewasa.

Satu kajian jangka panjang (longitudinal) di Brazil mendapati bayi yang menyusu lebih lama menunjukkan tahap IQ yang lebih tinggi, mempunyai pencapaian akademik lebih cemerlang dan seterusnya mempunyai kehidupan sosioekonomi yang lebih baik berbanding yang hanya disusui dalam tempoh singkat.

Manfaat bagi ibu pula, penyusuan membantu mengecutkan rahim, mengurangkan risiko pendarahan selepas bersalin serta mengurangkan risiko kanser payudara dan ovari, diabetes jenis 2 dan kemurungan postpartum.

Hormon oksitosin yang dirembes ketika penyusuan juga meningkatkan kesejahteraan emosi ibu dan mengeratkan hubungan ibu dan anak.

Dalam kerangka maqasid syariah, penyusuan susu ibu sangat berkait rapat dengan



EMOSI ibu yang stabil dan positif menghasilkan susu yang menyumbang kepada tumbesaran terbaik untuk si kecil. - GAMBAR HIASAN

dua objektif utama iaitu *hifz al-nasl* (memelihara keturunan) dan *hifz al-nafs* (memelihara jiwa).

Hifz al-nasl menekankan pemeliharaan generasi bukan hanya daripada aspek fizikal, tetapi juga pembangunan intelektual, emosi dan moral.

Penyusuan susu ibu merupakan asas pertama pembentukan anak yang sihat dan sejahtera.

Ia menyumbang kepada tumbesaran otak, ketahanan tubuh dan keseimbangan emosi yang bakal mempengaruhi kecemerlangan anak di masa hadapan.

Maka, usaha memberikan penyusuan susu ibu kepada anak ialah pelaburan yang paling awal dan paling asas dalam membina keturunan yang sihat tubuh badan dan sejahtera jiwanya.

Hifz al-nafs, pula berkait dengan penjagaan nyawa dan kesejahteraan individu.

Penyusuan bukan sahaja menyelamatkan bayi daripada penyakit dan kematian awal, tetapi juga menyelamatkan ibu daripada risiko kesihatan jangka panjang.

Ia adalah amalan pencegahan penyakit yang

sangat ampuh, murah dan semula jadi, sejajar dengan prinsip Islam yang menggalakkan langkah-langkah pencegahan penyakit dan penjagaan kesihatan.

Al-Qur'an dalam Surah al-Baqarah ayat 233 menyebut: "*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun penuh, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan.*"

Ayat ini bukan sahaja menjadi panduan tempoh penyusuan, tetapi juga menunjukkan penyusuan adalah hak anak yang perlu dipenuhi oleh ibu bapa.

Sekiranya ibu tidak mampu, Islam membenarkan wanita lain menyusukan dan hubungan mahram akan terbentuk melalui susu.

KADAR PENYUSUAN EKSKLUSIF RENDAH

Walaupun manfaat penyusuan amat besar, realiti di Malaysia menunjukkan kadar penyusuan eksklusif masih rendah.

Menurut data, hanya 39.4 peratus ibu di Malaysia menyusukan anak sehingga dua tahun.

Antara faktor utama ialah

kurang kesedaran, tekanan kerja dan kekurangan sokongan daripada pasangan dan majikan.

Di Malaysia, cuti bersalin hanya tiga bulan, sedangkan penyusuan eksklusif disarankan selama enam bulan. Ketidakeimbangan antara kerja dan keluarga menyebabkan ramai ibu terpaksa menghentikan penyusuan dan beralih kepada susu formula.

Dalam laporan indeks keseimbangan kerja-hidup 2024, Malaysia berada di tangga kedua tercorot antara 60 negara, menunjukkan tekanan hidup yang tinggi bagi ibu bekerja.

Kajian menunjukkan tekanan emosi ini turut menjejaskan kualiti susu ibu dan perkembangan anak, menjadikan penyusuan bukan sekadar isu kesihatan individu tetapi isu struktur masyarakat dan dasar negara.

PERANAN MASYARAKAT

Menjadi tanggungjawab masyarakat dan negara untuk menyokong penyusuan susu ibu. Ini termasuk menggalakkan penyusuan eksklusif selama enam bulan dan menyediakan

kemudahan ruang menyusu dan masa rehat bagi ibu di tempat kerja.

Kempen kesedaran mengenai kelebihan penyusuan dan risiko susu formula juga perlu diadakan secara berterusan. Begitu juga kempen memperkasakan pengetahuan tentang keberkatan penyusuan susu ibu dalam kalangan para suami dan bapa bagi menjana sokongan moral dan material daripada mereka.

Penyusuan susu ibu bukan sahaja fitrah manusia dan anjuran kesihatan sejagat.

Ia adalah ibadah yang memenuhi tuntutan maqasid syariah dalam menjaga keturunan dan jiwa selain mengukuhkan kesihatan ibu dan anak dan seterusnya membina ketamadunan sebuah masyarakat.

Kita hakikatnya memupuk generasi masa hadapan yang lebih sihat, pintar dan berakhlak sebagai warisan terbaik untuk ummah dengan menyokong penyusuan susu ibu.

PENULIS adalah Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).